**KETERANGAN TERPERINCI TERHADAP FAKTA KURANG TEPAT YANG DITERBITKAN OLEH THE MALAYSIAN INSIDER 10 NOVEMBER 2014**

| PERKARA | KENYATAAN PIHAK MEDIA | KENYATAAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013 SIRI 3 |
|---|---|---|
| Tahun/Tarikh Keluaran | **10 November 2014 (Isnin)** | Laporan Ketua Audit Negara Persekutuan Tahun 2013 Siri 3<br>**PENGURUSAN KEHILANGAN DAN HAPUS KIRA ASET Kementerian Kesihatan Malaysia**<br>(Muka surat 404 - 431) |
| Tajuk/Muka Surat/Perenggan yang terlibat | Kerja Orang Dalam Kecurian Ubat **RM1.5 juta** dari hospital awam, kata ketua audit | LKAN melaporkan kecurian pada perenggan **Statistik Kes-Kes Kehilangan Aset Bagi Tempoh 2011 Hingga 2013** *(Para 18.5.2., muka surat 411)* |
| Petikan yang terlibat<br><br>(Tumpuan kepada perenggan/ayat/nombor bertanda merah) | ‘Dengan bantuan kakitangan, ubat-ubatan bernilai hampir **RM1.5 juta** dan peralatan dicuri daripada hospital awam dari hujung 2011 hingga 2012, menurut penemuan Ketua Audit Negara.’ | Pada bulan November 2011, satu kes kecurian 68 jenis stok ubat berjumlah RM1.21 juta telah berlaku di Substor Farmasi Neurosains dan Substor Farmasi Urologi/Nefrologi HKL. .... Hasil siasatan yang dijalankan oleh HKL mendapati kecurian ini dilakukan oleh orang dalam yang sentiasa berurusan dengan pihak stor serta mengetahui kelemahan pengurusan kunci substor. (*Para 18.5.2.2. muka surat 414*).<br><br>(LKAN menyatakan hanya RM1.21 juta kes kecurian ubat di HKL yang didalangi oleh orang dalam manakala di Hospital Pulau Pinang kehilangan ubat bernilai RM0.24 juta menjadikan jumlah keseluruhan kehilangan berjumlah RM1.45 juta bukannya RM1.5 juta seperti dilaporkan dalam Tajuk *Malaysia Insider.* Bagaimanapun, keterangan dalam artikel ini menunjukkan fakta yang benar hanya tajuk sahaja memaparkan fakta yang salah) |

# KENYATAAN YANG SALAH



BAHASA

## Kerja 'orang dalam' kecurian ubat RM1.5 juta dari hospital awam, kata ketua audit

BY EILEEN NG
Published: 10 November 2014




*Dengan bantuan kakitangan, ubat-ubatan bernilai hampir RM1.5 juta dan peralatan dicuri daripada hospital awam dari hujung 2011 hingga 2012, menurut penemuan ketua audit*




**PEMBETULAN**

LKAN menyatakan hanya RM1.21 juta kes kecurian ubat di HKL yang didalangi oleh orang dalam manakala di Hospital Pulau Pinang kehilangan ubat bernilai RM0.24 juta menjadikan jumlah keseluruhan **kehilangan berjumlah RM1.45 juta bukannya RM1.5 juta** seperti dilaporkan dalam Tajuk *Malaysia Insider.*